

## **PENYERAHAN KUNCI 1,050 UNIT RESIDENSI JALILMAS**

YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan menyerahkan sebanyak 1,050 kunci unit Residensi Jalilmas di bawah skim Residensi Wilayah.

Projek ini telah siap dibina 12 bulan lebih awal dari jangkaan dan merupakan projek dalam kalangan Residensi Wilayah di bawah Pemaju Aset Kayamas Sdn. Bhd. dengan syarikat bersekutunya Sinerjuta Sdn. Bhd. Terdiri daripada 2 blok pangsapuri, projek ini merupakan rumah mampu milik berkeluasan 800 kaki persegi yang dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik mandi, dan satu parkir berbumbung. Pembinaan projek perumahan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada warga kota yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah pertama mereka di Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu, Residensi Jalilmas dijual di bawah RM200,000.00 dengan tawaran harga serendah RM198,000.00.

Dengan lokasi yang strategik, kawasan ini menawarkan akses mudah ke tempat-tempat menarik bagi para penghuni Residensi Jalilmas yang ingin bersiar-siar kerana ia bukan sahaja terletak di dalam kawasan ibu kota Kuala Lumpur, malah dihubungi dengan Lebuhraya Bukit Jalil – Puchong, Lebuhraya Sungai Besi dan MRR2. Para penghuni Jalilmas juga tidak perlu merancang untuk pergi jauh jauh semata-mata untuk membeli belah kerana terdapat sebuah pusat membeli belah mega yang bakal siap dibina di kawasan ini. Selain itu, Jalilmas terletak berhampiran dengan kawasan rekreasi di mana penghuni dapat mengisi masa berkualiti dengan keluarga.

Di bawah program Residensi Wilayah, setakat masa kini Pemaju Aset Kayamas telah pun menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 4,770 unit dengan penyiapan projek Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas dan Residensi Gurneymas. Di samping itu, sebanyak 1,995 unit lagi yang melibatkan pembangunan Residensi Kepongmas dan Residensi Wangsammas akan dijangka siap dibina pada tahun ini.